# Tinjauan untuk Penaksiran Budaya WSH (Pengurus)

## Cara-cara untuk isikan Borang Tinjauan

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1) Gunakan pen berdakwat biru atau hitam. |  | | |
| 2) Tandakan kotak sepenuhnya. | ■<br>Setuju | ❑<br>Tidak Setuju | ❑<br>Saya Tidak Tahu |
| 3) Tandakan hanya satu jawapan bagi setiap soalan. | ■<br>Setuju | ❑<br>Tidak Setuju | ❑<br>Saya Tidak Tahu |
| 4) Tandakan pangkah untuk membatalkan pemilihan anda. | ☒<br>Setuju | ■<br>Tidak Setuju | ❑<br>Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 1. Pengurus kami tidak suka audit (pemeriksaan dan pengesahan akaun) kerana ia mengganggu dan melambatkan kerja kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 2. Pengurusan kanan kami sentiasa meningkatkan kecekapan WSH mereka. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 3. Pengurusan kami menerima bahawa secara asasnya mereka bertanggungjawab bagi WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 4. Walaupun pengurusan kami telah menyatakan bahawa “keselamatan diutamakan,” sasaran dan tarikh akhir projek/pengeluaran biasanya diberikan keutamaan yang lebih tinggi. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 5. Bila tarikh akhir projek ketat, pengurus tetap mengingatkan kami bahawa WSH adalah yang paling utama. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 6. Pengurusan kami tidak menyertai aktiviti-aktiviti WSH sehingga terjadinya kejadian buruk atau kemalangan di tempat kerja. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 7. Pengurus kami memeriksa tempat kerja untuk mengenal pasti situasi merbahaya yang berpotensi berlaku dan menyemak prestasi WSH kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 8. Mesyuarat-mesyuarat WSH jarang dikendalikan oleh pengurus-pengurus kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 9. Pengurusan kanan menyemak prestasi WSH dengan tetap dan menyampaikan kepada kami kedudukan, tindakan dan keberkesanan langkah-langkah tertentu yang diambil. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 10. Kami biasanya <u>tidak diberitahu</u> oleh pengurusan kami tentang inisiatif-inisiatif (daya usaha) WSH yang telah dirancangkan dan matlamat-matlamat prestasi yang dijangkakan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 11. Perancangan program-program and aktiviti-aktiviti peningkatan WSH diketuai oleh pengurusan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 12. Prestasi WSH, rancangan peningkatan dan inisiatif (daya usaha) pertubuhan kami disemak di tahap Lembaga sebagai perkara agenda tetap. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 13. Pengurusan kanan kami menyemak dengan tetap hasil kes-kes perubahan pengurusan untuk menentukan bagaimana proses-proses dan pengambilan keputusan masa depan boleh dipertingkatkan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 14. Pengurus-pengurus kami <u>tidak menjalankan sendiri</u> latihan WSH kerana mereka <u>mungkin tidak</u> mempunyai masa atau kecekapan untuk berbuat demikian. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 15. WSH dan operasi perniagaan dianggap sebagai kepentingan yang berasingan oleh pengurusan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 16. Pengurusan kami agak prihatin tentang penambahan perbelanjaan perniagaan yang disebabkan oleh syarat-syarat WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 17. Tren-tren dan amalan-amalan terbaik WSH yang dilaporkan kepada ketua-ketua industri dipantau oleh pengurusan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 18. Pengurusan kanan berpengetahuan tentang syarat-syarat dan tindakan luar jangkaan WSH, dan akan mempertikaikan perubahan operasi yang dicadangkan mengenai akibat-akibat yang berpotensi berlaku bagi WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 19. Kami tidak terlibat dalam pentakrifan (penentuan) set penunjuk-penunjuk prestasi WSH yang digunakan oleh pertubuhan kami. Ini merupakan keputusan sepenuhnya oleh penguruan kanan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 20. Pengurusan kami giat menggalakkan kami untuk menyuarakan kebimbangan kami mengenai WSH dan mempertikaikan dan/atau melaporkan perbuatan-perbuatan yang tidak selamat. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 21. Pengurusan kami mengiktiraf sumbangan-sumbangan individu kepada WSH, namun demikian kumpulan-kumpulan kerja tidak diiktirafkan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 22. Polisi, penyataan misi dan visi WSH kami dapat dilihat dengan jelas dan mudah difahami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 23. Dalam pertubuhan kami, WSH adalah nilai teras yang paling diutamakan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 24. Perilaku kerja kami dan kesedaran tentang WSH konsisten berpadanan dengan misi dan visi pertubuhan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 25. Kami <u>tidak diberitahu</u> oleh pengurusan kami tentang matlamat dan sasaran WSH untuk dipenuhi dalam tugas kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 26. Prestasi WSH dengan jelas telah dimasukkan dalam penilaian kakitangan dan jabatan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 27. Kami <u>belum</u> diberitahu tentang tanggungjawab WSH bagi tugas kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 28. Kami telah diberitahu tentang siapa penyelia-penyelia kami tetapi kami <u>belum</u> diberitahu tentang struktur pertubuhan dan garisan tanggungjawab bagi penyeliaan WSH seperti fungsi-fungsi pekerjaan lain dan tahap-tahap jawatan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 29. Jabatan WSH kami melaporkan terus kepada pengurusan kanan (CEO, MD) dengan tanpa perlu melalui jabatan operasi. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 30. Dalam pertubuhan kami, kecekapan (termasuk prestasi WSH) adalah <u>kriteria utama</u> dalam taksiran (penentuan) pekerjaan, kenaikan pangkat dan pemindahan dalaman. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 31. Sumber tenaga manusia kami <u>tidak mencukupi</u> untuk memenuhi keperluan kedua-dua operasi perniagaan dan jaminan WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 32. Kami telah mentakrifkan (menentukan) syarat-syarat latihan formal WSH untuk semua jawatan dalam pertubuhan kami termasuk pengurus-pengurus. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 33. Kami tidak dilatih secara menyeluruh menurut peta jalan (perancangan pekerjaan). | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 34. Kami mempunyai sistem pengurusan yang menjejaki perkembangan latihan WSH kami berpandukan peta jalan (perancangan pekerjaan) latihan yang ditubuhkan oleh pertubuhan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 35. Pertubuhan kami memberikan kontrak-kontrak berdasarkan hanya pada sebut harga terendah. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 36. Kontraktor-kontraktor tidak dikehendaki untuk menyertai inisiatif-inisiatif (daya usaha) WSH kami seperti mesyuarat-mesyuarat dan program-program latihan WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 37. WSH dianggap sebagai faktor penting dalam pemilihan kontraktor-kontraktor dan rakan kongsi perniagaan kami dan kami sentiasa menyemak prestasi WSH mereka sepanjang tempoh projek. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 38. Sistem kami untuk mengiktiraf prestasi WSH mengimbangkan insentif/ganjaran bagi prestasi WSH yang baik dengan proses disiplin yang adil untuk menangani pelanggaran keselamatan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 39. Belanjawan kami untuk latihan dan penyeliaan WSH diperuntukkan hanya pada apa yang kami fikir adalah perlu. Penandaan aras belanjawan WSH kami berpandukan piawaian industri tidak perlukan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 40. Pengurusan kami akan sentiasa memperuntukkkan belanjawan tambahan WSH bila-bila masa ia diperlukan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 41. Belanjawan tetap (berulang) untuk menyokong inisiatif-inisiatif (daya usaha) WSH dikekalkan dan disemak dengan kerap oleh pengurusan kanan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 42. Ia adalah satu polisi pertubuhan yang penting bahawa penunjuk-penunjuk prestasi utama WSH harus disemak oleh pengurusan secara kerap dengan mengambil tindakan kena pada masanya yang diambil untuk mempertingkatkan polisi-polisi ini. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 43. Hanya kemalangan-kemalangan yang dianggap patut dilaporkan kepada pihak berkuasa disiasat oleh pertubuhan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 44. Kami tidak diberitahu oleh pengurusan mengenai proses pertubuhan kami bagi penyiasatan kejadian dan kemalangan WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 45. Pengurusan kami menggunakan hasil-hasil penaksiran (penilaian) risiko dan/atau kajian-kajian tentang bahaya dan keupayaan beroperasi untuk menyokong pembangunan rancangan dan tindakan luar jangkaan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 46. Pengurusan kami tidak menjalankan latihan tetap untuk melatih rancangan dan tindakan luar jangkaan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 47. Rancangan dan tindakan luar jangkaan disemak dan ditanda aras berdasarkan pemimpin industri. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 48. Kami menjalankan penaksiran (penilaian) risiko untuk menilai potensi kesan perubahan tenaga manusia pada WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 49. Waktu rehat yang tetap dijadualkan sepanjang waktu kerja dan kami mempunyai tempat-tempat yang mudah tersedia untuk berehat, makan dan minum apabila diperlukan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 50. Pengurusan kami tidak menimbangkan perkara luar jangkaan dan keadaan operasi yang luar biasa ketika membuat keputusan mengenai keperluan tenaga manusia kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 51. Sistem pengurusan kelesuan digunakan oleh pengurusan kami untuk menentukan waktu kerja dan kitaran syif yang sesuai untuk mengawal kesan-kesan buruk kelesuan mental dan fizikal. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 52. Peralatan dan kelengkapan kami selalu tidak ada atau tidak boleh digunakan apabila kami mahu menggunakannya. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 53. Bila-bila masa kerja yang melibatkan kritikal keselamatan (kerja yang bahaya), pengurusan kami akan menjalankan taklimat pra-kerja mengenai tindakan-tindakan untuk diambil dan menerangkan kepada kami tentang tanggungjawab kami dan kesilapan untuk dielak dan bagaimana untuk membetulkannya. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 54. Kami sering mengalami percanggahan prestasi tugas antara kawasan-kawasan kerja yang berhampiran. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 55. Kami perlu melakukan kerja pengemasan hanya bila diarah oleh penyelia kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 56. Prestasi kelengkapan kami sering dipantau oleh pengurusan untuk memastikan bahawa penyenggaraan boleh dijalankan pada dasar ramalan untuk mengelakkan tindakan pembetulan yang tidak dirancang. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 57. Kami menjalankan penaksiran (penilaian) risiko hanya bila diperlukan oleh pihak berkuasa. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 58. Pertubuhan kami telah melaksanakan Sistem Pengurusan WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 59. Audit (pemeriksaan dan pengesahan akaun) dalaman dan/atau luaran yang diketuai oleh pengurusan kami telah dijalankan secara berkala pada Sistem Pengurusan WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 60. Sistem pemantauan prestasi berkomputer WSH disediakan untuk menyokong: pelaporan kejadian-kejadian dan kemalangan yang hampir berlaku; menganalisis tren-tren baru; dan menyemak keberkesanan penyelesaian. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 61. Pengursan kami tidak membincangkan perubahan dengan kami walaupun ia mungkin memberikan kesan yang langsung kepada kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 62. Syarat-syarat dan had-had prestasi tugas manusia tidak dipertimbangkan apabila perubahan operasi dirancang. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 63. Kami membuat perubahan operasi, penyelesaian atau improvisasi secara serta-merta dan apabila diperlukan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 64. Kami telah melaksanakan peraturan untuk mengelakkan operasi dan ubahsuaian tidak sah pada proses-proses dan kelengkapan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 65. Jawatankuasa pengurusan yang cekap dari segi teknik sentiasa bersidang untuk menyemak perubahan-perubahan yang dicadangkan bagi rancangan kerja, kelengkapan dan proses-proses untuk menilai potensi kesannya pada WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 66. Dalam pertubuhan kami, set kriteria yang eksplisit (jelas) yang memberikan butiran lanjut tentang keperluan dan kelayakan pekerjaan adalah dinyatakan bagi setiap jawatan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 67. Kami <u>tidak</u> memerlukan bakal pekerja untuk lulus ujian-ujian vokasional dan penilaian kemahiran dalaman. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 68. Kesihatan dan keupayaan kami (cth. keadaan mental dan fikizal) ditaksir (diperiksa) secara berkala oleh pertubuhan kami untuk menentukan kesihatan kami untuk menjalankan tugas. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 69. Pengurusan kami telah melaksanakan sistem pementoran untuk memudahkan latihan kerja dan penyeliaan pekerja baru dan/atau kakitangan yang telah dipindahkan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 70. Pengurusan kami <u>belum</u> menentukan peta jalan (perancangan pekerjaan) latihan kakitangan untuk kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 71. Peta jalan (perancangan pekerjaan) latihan kami adalah lengkap dan termasuk kemajuan kerjaya kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 72. Latihan yang disediakan oleh pertubuhan kami membantu saya untuk mengenali kelakuan-kelakuan kerja yang mungkin menjejaskan WSH dan untuk mengecam kerosakan pada kelengkapan saya. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 73. Latihan yang disediakan oleh pertubuhan saya menjangkau pengetahuan dan kemahiran saya melebihi syarat pekerjaan saya sekarang. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 74. Kami <u>tidak</u> dikehendaki oleh pengurusan kami untuk menghadiri ulang kaji latihan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 75. Peta jalan (perancangan pekerjaan) latihan kami sering disemak dan syarat baru dikemas kini oleh pengurusan kami untuk menjelaskan perubahan pada pekerjaan/jawatan kami dan/atau proses/kemajuan teknologi. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 76. Audit (pemeriksaan dan pengesahan akaun) dianggap oleh pertubuhan kami sebagai cara untuk mendedahkan ketidakpatuhan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 77. Audit (pemeriksaan dan pengesahan akaun) dalaman untuk membongkar kebahayaan operasi yang berpotensi berlaku dijalankan secara tetap dan diketuai oleh pengurusan kami. Tindak pemulihan yang perlu kemudiannya akan diambil. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 78. Pengurusan kami percaya bahawa <u>tiada perlunya</u> untuk menimbangkan senario-senario luar jangkaan kerana sistem keselamatan kami boleh dipercayai. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 79. Kejadian-kejadian, kemalangan yang hampir berlaku dan kemalangan-kemalangan yang berlaku akan disiasat oleh pengurusan kami untuk mencari punca-punca asas dan faktor-faktor yang menjadi sebab supaya peningkatan boleh dilakukan dan pengajaran dari perkara berikut dapat dikongsi dengan kami semua. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 80. Pengurusan kami berusaha untuk belajar secara berterusan dan terlebih dahulu dari penunjuk-penujuk utama prestasi WSH seperti pemerhatian/pemeriksaan di lokasi dan maklum balas kami. Pengajaran yang dipelajari akan kemudiannya dikongsi dengan kami semua. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 81. Pengurusan kami tidak menganalisis kelakuan pelanggaran peraturan kerana semua peraturan mesti dipatuhi dengan tegas. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 82. Pertubuhan kami tidak melanggani mana-mana buletin dan penerbitan luaran WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 83. Pengurusan kami menyemak dan menganalisis kajian kes luaran dari industri dan mengongsikan hasil dan pengajarannya dengan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 84. Pertubuhan kami tidak menyertai seminar dan aktiviti luaran WSH yang dikendalikan oleh badan-badan luar seperti WSHC, MOM dan/atau persatuan-persatuan industri. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 85. Program-program latihan kami dijalankan secara dalaman. Penandaan aras padanya menentang piawaian industri tidak diperlukan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 86. Prestasi WSH kami ditanda aras berdasarkan piawaian industri dan rancangan tindakan dipertimbangkan secara berterusan untuk meningkatkan amalan-amalan dan proses-proses WSH yang sedia ada. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 87. Prestasi WSH kami ditanda aras berdasarkan piawaian antarabangsa dan rancangan tindakan dipertimbangkan secara berterusan untuk meningkatkan amalan-amalan dan proses-proses WSH yang sedia ada. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 88. Kami menjadualkan mesyuarat kotak alat, taklimat besar-besaran dan mesyuarat pengurusan secara tetap untuk membincangkan dan menyebarkan berita dan maklumat WSH kepada semua orang. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 89. Amalan-amalan yang terbaik dikongsi dengan jabatan-jabatan kami oleh pengurusan kami secara bebas dan sistematik. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 90. Kejayaan kami dan pengajaran yang dipelajari dari siasatan ke atas kejadian-kejadian buruk dan kemalangan di tempat kerja adalah hal-hal sulit dan tidak patut dikongsi dengan industri. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 91. Jabatan WSH kami nyata terlibat hanya bila kejadian buruk atau kemalangan di tempat kerja berlaku. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 92. Jabatan WSH kami prihatin terutamanya dengan pemeriksaan untuk memastikan kami mematuhi prosedur-prosedur keselamatan kerja dan syarat-syarat WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 93. Jabatan WSH kami setanding dari segi saiz, status dan prominensnya dengan jabatan perniagaan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 94. Kami tiada masa untuk menyertai perundingan/seminar/kursus/persidangan WSH, peraduan dan penganugerahan. Kami cuba menyertai hanya bila kehadiran adalah wajib atau bila ada insentif (ganjaran) untuk berbuat demikian. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 95. Kami giat menyertai Jawatankuasa WSH dan inisiatif-inisiatif (daya usaha) peningkatan seperti SIT, WIT, RA dan RM. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 96. Kami mengadakan dan mengelolakan program-program WSH kami sendiri secara tetap dan tahap penyertaan yang kami terima cukup baik. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 97. Kami menjalankan taklimat pra-kerja dan penyerahan syif hanya bila kami ada masa untuk berbuat demikian. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 98. Kami berkongsi pengetahuan dan amalan-amalan terbaik WSH dengan kumpulan-kumpulan kerja lain dan rakan sekerja kami, dan kami akan secara sukarela mengajar rakan sekerja kami bagaimana untuk menjalankan satu tugas dengan selamat jika kami perhatikan bahawa mereka memerlukan bantuan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 99. Dalam semua jabatan dan tahap pertubuhan kami mempunyai sifat amanah dan komunikasi, penyelarasan dan kerjasama yang baik. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 100. Dalam pertubuhan kami, hanya wakil WSH bertanggungjawab untuk mengenal pasti bahaya-bahaya di tempat kerja, mencadangkan langkah-langkah keselamatan dan menguatkuasakan prosedur-prosedur keselamatan kerja. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 101. Kami tidak boleh bertanggungjawab secara peribadi ke atas keselamatan semua orang dalam pertubuhan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 102. Ia bukan tugas dan tanggungjawab kami untuk melaporkan tindakan bahaya dan/atau kejadian buruk. Kami hanya perlu menjaga hal kami sendiri. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 103. Kami tidak ragu-ragu untuk melaporkan rakan sekerja kami jika mereka dengan sengaja menggunakan kaedah pendek atau melanggar aturan dan peraturan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 104. Kami membuat laporan mengenai kesilapan kami sendiri kerana ia membantu pertubuhan kami untuk belajar cara untuk mengelakkan kemalangan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 105. Kami tidak diberitahu tentang bahaya-bahaya tugas kami dan kawasan-kawasan kerja sekeliling yang berpotensi berlaku. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 106. Ia tidak mungkin membahayakan keselamatan kami jika kami tidak sentiasa mematuhi aturan dan peraturan WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 107. Kami tahu bahawa tindakan disiplin akan diambil jika kami melanggar aturan dan peraturan WSH dengan sengaja seperti menggunakan kaedah pendek dan tidak mematuhi prosedur-prosedur keselamatan kerja. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 108. Prestasi WSH kami dipantau dan ditaksir (dinilai) secara berkala oleh pengurusan kami dan maklum balas akan diberikan kepada kami mengenai cara untuk meningkatkan prestasi kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 109. Pengurusan kami jarang memuji/memberi ganjaran kepada kami bila prestasi WSH kami baik. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 110. Kami tidak patut mengajukan soalan semasa mesyuarat kotak alat/keselamatan jika kami ada pertanyaan mengenai WSH kerana kami hanya perlu mematuhi arahan yang diberikan kepada kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 111. Tindak balas pengurusan kami selepas satu siasatan kejadian menumpukan pada punca dan pengajaran yang boleh dipelajari dan bukan pada siapa yang akan dipersalahkan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 112. Kami diberikan maklum balas secara tetap mengenai laporan-laporan WSH oleh pengurusan kami dan sokongan tekal bagi inisiatif-inisiatif (daya usaha) peningkatan WSH kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 113. Dalam pertubuhan kami, inisiatif-inisiatif (daya usaha) WSH dirumuskan dan diputuskan hanya oleh pengurusan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 114. Dalam pertubuhan kami, kumpulan-kumpulan fungsian individu diberi kuasa untuk mencadangkan dan menyemak cadangan dan inisiatif WSH, dan untuk memutuskan cara untuk melaksanakan perubahan yang diperlukan untuk meningkatkan WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 115. Pengurusan kami meminta maklum balas kami mengenai inisiatif-inisiatif (daya usaha) WSH dan proses/kelengkapan/sistem baru sebelum pemerolehan dan pelaksanaan mereka. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 116. Hanya pengurusan dibenarkan untuk menyertai Jawatankuasa WSH kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 117. Pengurusan kami mampu menggalakkan keadaan yang mempergiatkan komunikasi dan kerja berpasukan dalam kumpulan kerja dan kumpulan fungsian kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 118. Kami membatalkan mesyuarat kotak alat harian bila kami ada banyak kerja untuk diselesaikan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 119. Komunikasi WSH rasmi dimulakan terutamanya oleh pengurusan kami dan mengandungi terutamanya catatan dan arahan keselamatan kerja bertulis (sehala). | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 120. Antara penyelia-penyelia dan pekerja-pekerja kami ada komunikasi interaktif (dua hala) yang baik. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 121. Antara pengurusan dan kami ada komunikasi interaktif (dua hala) yang baik. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 122. Pengurusan kami telah melaksanakan polisi 'pintu terbuka' dan menggalakkan kami untuk mengemukakan dan berbincang tentang isu-isu dan kebimbangan mengenai WSH dengan mereka pada bila-bila masa. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 123. Kempen dan peraduan dalaman WSH jarang sekali dikelolakan dan diketuai oleh pengurusan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 124. Kami tidak mempunyai masa untuk mengelolakan kumpulan tumpuan untuk mencambah fikiran dan mengembangkan idea-idea baru untuk meningkatkan WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 125. Kami boleh melaporkan tindakan tidak selamat, kemalangan yang hampir berlaku dan bahaya-bahaya melalui sistem laporan WSH kami yang mudah dan tersedia. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 126. Laporan-laporan WSH kami mesti disalurkan dengan tegas melalui hierarki pertubuhan kami untuk penyemakan oleh pengurusan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 127. Pertubuhan kami telah menubuhkan struktur laporan WSH yang bebas dari hierarki pertubuhan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 128. Pertubuhan kami telah melaksanakan sistem laporan kejadian WSH yang anonim (tanpa nama)/amnesti (berpengampunan) untuk mengumpul maklumat dan mempelajari dari kejadian-kejadian buruk di tempat kerja supaya dapat mencegah kemalangan yang berpotensi berlaku. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

| Soalan | Jawapan Anda | | |
|---|---|---|---|
| 129. Sistem laporan kejadian WSH yang anonim (tanpa nama)/amnesti (berpengampunan) kami tidak boleh dipercayai kerana ia diselia secara dalaman dan bukan oleh pihak luar atau pihak bebas. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 130. Sistem laporan WSH kami tidak perlu disemak atau ditaksir (dinilai) kerana ianya berkesan. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 131. Bila kami laporkan kebimbangan tentang WSH biasanya tiada perakuan dan/atau tiada tindakan jelas yang diambil untuk menangani mereka. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 132. Kami tidak takut untuk melaporkan kesalahan tidak sengaja kami sendiri kerana kami tahu bahawa kami akan diberi layanan yang adil dan sepatutnya oleh pengurusan kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 133. Pengurusan kami tidak melaksanakan langkah-langkah untuk melindungi kami dari pembalasan ke atas laporan WSH yang dibuat oleh kami. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 134. Pengurusan kami akan bertindak dengan pantas dan tekun untuk menghalang sesiapa yang membalas dendam terhadap kami kerana membuat laporan WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |
| 135. Kempen-kempen dijalankan dengan kerap oleh pengurusan kami untuk meningkatkan kesedaran kami tentang sistem laporan WSH dan untuk menggalakkan kami untuk membuat laporan-laporan WSH. | ❑ Setuju | ❑ Tidak Setuju | ❑ Saya Tidak Tahu |

***Terima kasih ke atas Penyertaan Anda***